



## KENYATAAN TENDER (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

### KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA PRESINT 3, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (NO. TENDER : PPJ/JL/T/33/2021)

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas. Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini boleh layan laman <https://dcoins.ppj.gov.my> bagi tujuan pendaftaran kontraktor/syarikat.
2. Maklumat Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER DITUTUP
<b>Gred: G4</b> <b>Kategori: CE</b> <b>Khusus: CE14</b>  Dan <b>Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Untuk Taraf Bumiputera</b>	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian <b>(Dalam Bentuk Slide)</b> Pada <b>22 April 2021</b> dipautan berikut:  <a href="https://www.ppj.gov.my/second-page/tender">https://www.ppj.gov.my/second-page/tender</a>  <b>Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan</b>	<b>22 April 2021 (Khamis)</b>  <b>Hingga</b>  <b>6 Mei 2021 (Khamis)</b>  Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Aras 1, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya	<b>Ringgit Malaysia RM 300.00 (Tidak Dikembalikan)</b> Tunai/Draf Bank Perbadanan Putrajaya	<b>25 Mei 2021 (Selasa) 12.00 tengah hari</b> Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Aras 1, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:  
- Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM 50,000.00 bagi (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dimana wakil-wakil Kontraktor/Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**. Salinan Sijil-sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK.
6. Tender ini akan ditutup pada **25 Mei 2021** bersamaan hari **Selasa, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran dokumen Tender tidak akan dikembalikan.
8. Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas Daerah/Negeri dan semua urusan berkaitan dokumen tender ini perlu mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang berkuatkuasa